



## PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK PORT DICKSON TERHADAP KURSUS FOTOGRAFI (MPU24021/ DRK3052)

Nurzaimawani Hussin

Politeknik Port Dickson, KM. 14, Jalan Pantai 71050 Si Rusa Negeri Sembilan

[nurzaimawani@polipd.edu.my](mailto:nurzaimawani@polipd.edu.my)

**Abstrak:** Persepsi merupakan tanggapan atau bayangan yang hadir dalam minda manusia tentang sesuatu perkara. Kajian ini bertujuan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kursus Fotografi (MPU24021 atau DRK3052) bagi pelajar di Politeknik Port Dickson. Terdapat dua objektif dalam kajian ini. Kajian ini mengkaji tentang penilaian tahap ilmu asas dan latihan penggunaan kamera DSLR atau kamera telefon bimbit. Manakala objektif kedua ialah untuk mengkaji teknik pengajaran pensyarah yang bersesuaian bagi menarik minat pelajar dalam menyampaikan sesuatu pengajaran. Sesi pembelajaran dan pengajaran perlu mengandungi aktiviti-aktiviti yang dapat menyangkal persepsi awal pelajar yang kurang berminat dalam kemahiran seni fotografi. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Awam. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi daripada instrumen tersebut di analisis menggunakan statistik deskriptif. Dapatkan kajian mendapati bahawa aktiviti fotografi di buat di luar bilik kuliah dengan berkonsepkan teknik dan tema tertentu sangat digemari oleh pelajar-pelajar. Berdasarkan daripada hasil kajian ini harap akan memberi cadangan kepada pensyarah kokurikulum MPU24021 (Fotografi) atau DRK3052 dalam menarik minat pelajar dan menambahbaik aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa.

Kata kunci : Persepsi pelajar, fotografi dan minat.

### 1.0 PENGENALAN

*Photography* (dalam Bahasa English) atau Fotografi berasal dari gabungan dua perkataan Greek iaitu photo (cahaya) dan graph (lukisan). Berdasarkan Sabki Md Noh & M. Shariful, 2017, fotografi merupakan satu medium yang boleh digunakan untuk menghasilkan karya kreatif yang mempunyai unsur seninya yang tersendiri. Manakala menurut Al-Faizal & Hafiz, 2015, Perkembangan fotografi kini amat ketara apabila kamera digital diwujudkan dalam penggunaan telefon bimbit dan ia sedikit sebanyak telah mengubah dunia fotografi masa kini. Seni fotografi telefon bimbit kini menjadi cabang baharu dalam budaya masyarakat khususnya generasi muda. Penghasilan telefon bimbit dengan fungsi rakaman foto canggih menjadikan fotografi sebagai sebahagian gaya hidup setiap individu.

Kursus MPU24021 Fotografi (kod baru bermula sesi Jun 2019) atau DRK3052-Fotografi (kod lama) merupakan salah satu kursus ko-kurikulum pilihan dan wajib lulus dengan 1 jam kredit bagi kod baru yang diambil di semester 2 manakala 2 jam kredit bagi kursus lama yang ditawarkan di Politeknik Port Dickson. Kursus ini merupakan subjek yang memberi kemahiran kursus dalam seni fotografi dan kemahiran kepimpinan serta kemahiran generik dalam melaksanakan aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh pelajar pada sepanjang semester. Sistem pengajian di Politeknik Malaysia mensyaratkan setiap pelajar perlu mengambil dan lulus ko-kurikulum sebagai salah satu daripada syarat keperluan program untuk dianugerahkan sijil atau diploma. Semua pelajar politeknik diwajibkan mengambil dan lulus dua unit ko-kurikulum iaitu pada semester pertama dan semester kedua pengajian.

Menurut Chua, 2014, temubual merupakan kaedah mengumpulkan maklumat dalam kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kajian yang bersamaan dengan kajian soal selidik namun mempunyai perbezaan dari segi perlaksanaan kajian iaitu temubual dilaksanakan secara lisan dan direkodkan oleh penyelidik secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain. Temubual secara tidak berstruktur



telah dilaksanakan kepada pelajar-pelajar yang mendaftar masuk kursus MPU24021 atau DRK3052 Fotografi di awal semester. Persepsi awal secara lisan (perbualan) oleh pelajar-pelajar sebelum mengikuti kursus MPU24021 atau DRK3052 fotografi adalah negatif di mana mereka terpaksa hadir dan melengkapkan segala tugas yang diberikan oleh pensyarah bagi memenuhi keperluan pengajian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar Politeknik Port Dickson terhadap Kursus Fotografi bagi kod MPU24021 atau DRK3052 dan sekaligus mengetahui tahap pendedahan awal pelajar berkaitan kamera. Responden bagi kajian ini terdiri daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Awam di Politeknik Port Dickson yang mengambil kursus Fotografi.

### 1.1 Penyataan Masalah

Kursus Fotografi DRK3052 telah mula diperkenalkan pada Sesi Jun 2015 di Politeknik Port Dickson. Perisian kandungan sibus bagi kursus ini adalah lebih kepada penggunaan kamera DSLR (Digital Single Lens Reflex) antaranya seperti kemahiran asas fotografi, teknik pelarasaran kamera, teknik fotografi, dan teknik pencahayaan. Pada awal kursus ini diperkenalkan oleh Jabatan Sukan, Ko-kurikulum dan Kebudayaan (JSKK), Politeknik Port Dickson telah menyediakan sebanyak lima buah kamera DSLR untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus ini. Namun seiring dengan penambahan bilangan pelajar pada setiap semester, penggunaan kamera DSLR adalah terhad kepada mereka yang membuat tempahan awal di JSKK, Politeknik Port Dickson. Oleh itu penyelesaian bagi perlaksanaan kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 di Politeknik Port Dickson adalah menggunakan telefon bimbit. Menurut kajian Sung & Mayer (2012), peranti mudah alih (telefon bimbit) merupakan alat teknologi untuk membantu sistem pendidikan agar lebih digemari oleh pelajar kerana ia boleh di bawa ke mana-mana, mudah mengakses maklumat dan teknologi yang baru dalam pembelajaran.

Selain daripada itu, pelajar yang mengikuti kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 memohon kursus ini bukan secara terbuka kepada pelajar yang berminat. Mereka perlu mengikuti kursus yang telah ditetapkan oleh Jabatan induk mengikut program tertentu. Kesan pelaksanaan aktiviti fotografi dengan kekangan kamera DSLR yang terhad dan ditambah dengan kemasukan pelajar yang mengikuti kursus fotografi mengikut kelas yang ditetapkan telah memberi impak kepada pensyarah kursus ini dalam menarik minat pelajar-pelajar dalam kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052.

Namun menurut Noor H.M.N (2011), pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Oleh itu bagi memenuhi proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bagi kursus fotografi ini di Politeknik Port Dickson, pelbagai aktiviti perlu dirancang dan dilaksanakan bagi menarik minat pelajar-pelajar.

Maka kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar dalam mengikuti kursus MPU24021 atau DRK3052 fotografi serta dapat memberi panduan kepada pensyarah kursus dalam menentukan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian berdasarkan kajian ini.

### 1.2 Objektif

Kajian ini dijalankan adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti persepsi pelajar Politeknik Port Dickson dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran kursus Fotografi (MPU24021/DRK3052).
2. Mengenalpasti tahap minat pelajar Politeknik Port Dickson dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran kursus Fotografi (MPU24021/DRK3052).



- 
3. Mengenalpasti kaedah untuk menarik minat pelajar Politeknik Port Dickson dalam kursus Fotografi (MPU24021/DRK3052).

## 2.0 METODOLOGI

### 2.1 Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif untuk mengenalpasti persepsi dan minat pelajar Politeknik Port Dickson dalam kursus MPU24021 atau DRK3052. Data deskriptif dikumpulkan dengan cara atas talian, di mana penyelidik menyediakan soal selidik dan memberi pautan borang soal selidik kepada responden yang telah mengambil kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052.

### 2.2 Populasi dan persempelan

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang mendaftar kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Awam untuk sesi Disember 2018 dan Jun 2019 di Politeknik Port Dickson seramai 115 orang. Sampel kajian yang diambil adalah sebanyak 60 orang dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang diperkenalkan oleh Krejcie, R.V dan Morgan.

### 2.3 Instrumen Kajian

Soal selidik merupakan instrumen kajian yang sering digunakan oleh penyelidik dalam sesuatu penyelidikan. Soal selidik atas talian digunakan kerana ia dapat mengurangkan perbelanjaan, mudah untuk digunakan dan disampaikan kepada responden serta menjimatkan masa bagi mengumpulkan data. Pembinaan set soalan kajian adalah berdasarkan kajian set-set soalan yang terdahulu. Bagi sesuatu set senarai kenyataan, penggunaan skala likert dalam soal selidik adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi responden terhadap perkara yang dikemukakan. Set soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah merupakan bahagian maklumat demografi responden yang terdiri daripada maklumat jantina, kumpulan umur dan status pekerjaan. Bahagian B adalah soalan untuk menilai kebolehan asas penggunaan kamera DSLR atau kamera telefon bimbit oleh responden. Manakala Bahagian C pula mengandungi 10 soalan yang merujuk kepada kajian utama iaitu persepsi pelajar berkaitan kursus fotografi. Soal selidik dibangunkan menggunakan kaedah atas talian iaitu '*Google form*'. Pautan atas talian berbentuk borang soal selidik diberikan dan disebarluaskan kepada responden. Responden dikehendaki memilih dan memberikan jawapan pada ruang jawapan yang disediakan pada borang soal selidik.

## 3.0 DAPATAN KAJIAN

### 3.1 Temubual

Bentuk tinjauan awal adalah temubual. Temubual yang dilaksanakan oleh penyelidik adalah temubual bentuk tidak berstruktur. Seramai 10 pelajar yang mengambil kursus fotografi dari pelbagai program di Politeknik Port Dickson telah ditemubual. Temubual ini bagi membantu penyelidik tentang gambaran awal soalan yang perlu dimasukkan dalam soal selidik. Berdasarkan temubual tersebut terdapat 3 soalan yang telah dikemukakan kepada pelajar bagi memudahkan proses pengumpulan maklumat.



### 3.2 Kebolehpercayaan instrumen

Bagi memastikan kebolehpercayaan dan keberkesanan sesuatu intrumen, kajian rintis diperlukan untuk melihat kefahaman dan kebolehan responden menjawab setiap item soalan. Dapatan kajian di analisis dan dipaparkan dalam bentuk jadual Cornbach's Alpha dan jadual nilai skor min yang dikelaskan kepada tiga tahap. Bagi nilai kebolehpercayaan yang diperolehi menggunakan Cornbach Alpha adalah seperti dalam Jadual 5.1(a) manakala jadual skor min dan kelas tahap pada jadual 5.1(b).

Jadual 5.1(a) Keputusan kebolehpercayaan menggunakan Cornbach's Alpha

Nilai Cornbach's Alpha	Bilangan item
0.826	10

Jadual 5.1(b) Pengkelasan Skor Min (Sumber: Richard I. Levin and David S. Rubin, 2000)

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	rendah

### 3.3 Analisis demografik diskriptif

Responden adalah terdiri daripada 67.2% pelajar lelaki dan 32.8% pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 60. Dapatan kajian juga memperolehi maklumat sebanyak 73.8% responden yang terdiri daripada kumpulan pelajar manakala selebihnya sebanyak 26.2% responden yang telah bekerja dan tamat sesi pengajian.

### 3.4 Persepsi pelajar tentang kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052

Bagi mengetahui persepsi pelajar tentang kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 terdapat 10 item soalan telah diberikan. Merujuk kepada Jadual 5.4, responden bersetuju kursus MPU24021 atau DRK3052 merupakan kursus yang memberi tambahan ilmu dalam penggunaan kamera samada dalam penggunaan kamera DSLR mahukan kamera telefon bimbit dengan skor min yang tertinggi iaitu 4.68. Responden juga bersetuju kursus fotografi ini merupakan kursus yang menarik untuk dipelajari dengan skor min yang diperolehi untuk pernyataan ini adalah sebanyak 4.61. NurAisyah et al. (2012), menyatakan bahawa bahan bantu mengajar seperti komputer atau sebagainya merupakan elemen yang penting dalam mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dengan lebih efektif di dalam bilik darjah seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi kini.

Dengan pernyataan, Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini dapat memberi idea yang kreatif dalam mengendalikan kamera, responden bersetuju dengan pernyataan ini dengan skor min yang diperolehi adalah sebanyak 4.47. Menurut Anderson, 2002, pengajaran kreatif merupakan pengajaran yang berkesan kepada pelajar manakala menurut Mayor, 1983, Pengajaran kreatif merupakan pengajaran yang merujuk kepada teknik-teknik pengajaran yang bermatlamat untuk membantu pelajar mempelajari sesuatu bahan pengajaran dengan kaedah atau cara tertentu dalam menyelesaikan masalah. Oleh itu, pernyataan ini menunjukkan bahawa, kursus ini telah memberi tambahan ilmu serta meningkatkan daya kreativiti pelajar dalam menghasilkan karya seni fotografi.



Bagi pernyataan pada nombor item 7 dan 8 iaitu merujuk kepada keyakinan menggunakan kamera dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi daripada kursus Fotografi ini, hampir semua responden bersetuju dengan pernyataan item ini. Skor min yang diperolehi bagi pernyataan item 7 dan 8 adalah 4.43 dan 4.40. Dengan nilai skor min 4.33, sejumlah besar responden setuju pernyataan lebih berminat dalam mengambil bahagian segala aktiviti yang dijalankan. Untuk memberi keyakinan kepada pelajar menggunakan kamera, pelajar diberi galakan dan sokongan untuk melaksanakan aktiviti mengambil gambar-gambar mengikut tajuk-tajuk yang diberikan di sekitar kawasan Politeknik Port Dickson.

Jadual 5.4 Persepsi pelajar tentang kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 serta skor min dan tahap

Nombor item	Item	STS	TS	N	S	SS	Skor min	Tahap
1	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini merupakan kursus yang sukar untuk dipelajari.	19	17	3	4	5	<b>1.72</b>	Rendah
2	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini merupakan kursus yang perlu mempunyai peralatan seperti kamera DSLR.	7	7	18	12	16	<b>3.38</b>	Sederhana
3	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini merupakan kursus yang menarik untuk dipelajari.	0	0	5	13	42	<b>4.62</b>	Tinggi
4	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini memberi tambahan ilmu dalam penggunaan kamera.	0	0	4	11	45	<b>4.68</b>	Tinggi
5	Saya sudah ada kemahiran asas dan ilmu dalam penggunaan kamera.	1	1	14	20	24	<b>4.08</b>	Tinggi
6	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini dapat memberi idea yang kreatif dalam mengendalikan kamera.	1	0	6	16	37	<b>4.47</b>	Tinggi
7	Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini menjadikan saya yakin dalam menggunakan kamera.	0	0	7	20	33	<b>4.43</b>	Tinggi
8	Melalui Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini saya dapat mengaplikasikan teknik yang dipelajari dengan baik.	0	0	6	24	30	<b>4.40</b>	Tinggi
9	Melalui Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi ini saya lebih berminat dalam mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan.	0	1	9	19	31	<b>4.33</b>	Tinggi



10	Mengetahui ilmu kamera daripada Kursus MPU24021/DRK3052 Fotografi boleh memberikan saya peluang kerjaya dan perniagaan.	0	0	12	20	28	<b>4.27</b>	<b>Tinggi</b>
Purata Skor min						<b>4.04</b>	<b>Tinggi</b>	

Begitu juga dengan pernyataan pada item ke-10, pada skor min yang diperolehi adalah sebanyak 4.27 dimana responden bersetuju kursus MPU24021/DRK3052 boleh memberi peluang kerjaya serta peluang perniagaan kepada mereka setelah tamat pengajian nanti. Perkongsian ilmu oleh bekas pelajar yang telah mengikuti kursus fotografi dan berjaya dalam perniagaan fotografi sedikit sebanyak membuka minda pelajar kelebihan kursus fotografi ini.

Merujuk kepada item 5 di Jadual 5.3, responden secara keseluruhannya mempunyai kemahiran asas dalam menggunakan kamera DSLR atau kamera telefon bimbit masing-masing. Skor min bagi item 5 ini adalah tinggi iaitu 4.08.

Berdasarkan pernyataan di item ke 2, 46 daripada 60 orang responden bersetuju kursus ini perlu mempunyai peralatan kamera DSLR. Manakala skor terendah bg kajian ini adalah 1.72, iaitu berkaitan pernyataan bahawa kursus ini yang sukar untuk dipelajari. Walaupun ia adalah skor min yang terendah, ini membuktikan bahawa responden berpendapat kursus MPU24021 atau DRK3052 merupakan kursus yang mudah untuk dipelajari.

#### 4.0 KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan kajian, didapati bahawa persepsi pelajar bagi kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052 secara keseluruhannya adalah tinggi. Pelajar memberi kesediaan yang baik untuk mempelajari dan mengikuti kursus Fotografi MPU24021 atau DRK3052. Keyakinan diri pelajar dalam menggunakan kamera juga diakui semua responden melalui hasil dapatan kajian. Responden juga berminat untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti fotografi sekiranya pensyarah dapat mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti fotografi untuk menarik minat pelajar dalam melaksanakan setiap tugas fotografi. Oleh itu, pensyarah kursus Fotografi juga perlu mempelbagaikan aktiviti-aktiviti fotografi yang kreatif dan menarik minat pelajar.

Justeru itu, penggunaan telefon bimbit sebagai kamera selain daripada kamera DSLR untuk proses P&P juga boleh diteruskan dengan memilih aktiviti yang bersesuaian silih-silih. Selain daripada itu hasil kajian yang dijalankan juga mendapati kursus fotografi ini, boleh memberi ruang perniagaan kepada pelajar sebagai salah satu sumber pendapatan sambilan.

#### RUJUKAN

Anderson, D. (2002). *Creative Teachers: Risk, Responsibility and Love*. Journal of Education, 183 (1), 33– 48.

Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Mc Graw Hill, Kuala Lumpur.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi keempat (2013). Cetakan keempat . Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Mayer, R. E. (1983). *Teaching of thinking skills in the science and mathematics*. Lawrence Erlbaum Associates.

Nur Aisyah Mohamad Noor, Zamri Mohamod, Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2012). *Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran Komsas Bahasa Melayu tingkatan 1*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2 (1): 1-16.

Richard I.Levin, David S. Rubin & Friends, *Statistic for Management*, Seventh Edition, Pearson.

Safiah Ahmad, *Bagaimana Aktiviti Kokurikulum yang dijalankan di Politeknik dan Kolej Komuniti Dapat Mengasah Kemahiran Generik Pelajar Dan Cadangan Pendekatan Lain Yang Boleh Dilaksanakan Untuk Meningkatkan Kemahiran Genetik Pelajar Bagi Menghadapi alam Pekerjaan*, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau, Melaka.

Sabki Md Noh & M. Shariful, (2017). *Panduan Asas Fotografi*, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Sung, E., & Mayer, R. E. (2012). *Students' beliefs about mobile devices vs. desktop computers in South Korea and the United States*. Computers & Education.

Utusan Nasional (14 November, 2015). *Platform perkongsian ilmu fotografi*.

<https://www.utusan.com.my/berita/nasional/platform-perkongsian-ilmu-fotografi-1.158239>

Zulkiflee Haron & Aimi Ayuni Idris, *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*, Universiti Teknologi Malaysia.